

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Pusat GENIUS@Pintar NEGARA, Universiti Kebangsaan Malaysia ingin mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Pekerja Sambilan Harian (PSH) seperti berikut:

- **JAWATAN** : **Pekerja Sambilan Harian (Akademik)**
- **BIDANG** : **Statistik, Fizik & Biologi**
- **TEMPOH LANTIKAN** : **1 Ogos 2022 – 22 Januari 2023**
- **TARIKH IKLAN** : **18 JULAI 2022 (KEPERLUAN SEGERA)**
- **TARIKH TUTUP** : **22 JULAI 2022**

### DESKRIPSI TUGASAN:

- a. Merancang dan mengendalikan kelas pengajaran mengikut jadual kelas yang ditetapkan oleh pihak pusat.
- b. Menyediakan bahan-bahan pengajaran yang berkaitan.
- c. Menyedia dan mengurus atur hal-hal berkaitan pentaksiran subjek.
- d. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan dari masa ke semasa oleh Pengarah dan Ketua Program.

### SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK:

Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang Statistik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji RM100.00/Sehari).

### KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA CALON BERIKUT:

- i. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan diiktiraf setaraf dengannya.
- ii. Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- iii. Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta menjalankan tugas lain seperti yang diarahkan.
- iv. Bersedia menerima arahan kerja lebih masa sekiranya diperlukan.

### CARA MEMOHON:

- i. Calon boleh membuat permohonan dengan menghantar salinan lembut (softcopy) dokumen berikut kepada alamat emel [asasipintar@ukm.edu.my](mailto:asasipintar@ukm.edu.my) dengan tajuk "**Permohonan Jawatan Pekerja Sambilan Harian**". Berikut adalah dokumen yang perlu dilampirkan untuk permohonan jawatan:

- *Curriculum vitae* (CV) lengkap
- Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- Salinan sijil Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
- Transkrip lengkap Ijazah Sarjana Muda

- ii. Calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.
- iii. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- iv. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.